

**Pesilat wanita** 15 AUG 1991  
B. Harian (M)  
**guna senjata tajam**

**KETANGKASAN** pesilat wanita bermain senjata tajam akan dapat disaksikan pada Kejua-raan Silat Kebangsaan di Alor Star mulai 17 Ogos ini apabila Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menyenarai kategori silat seni untuk wanita.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata silat seni bagi wanita adalah yang baru diterapkan dalam kejuaraan itu.

Katanya, Pesaka terpaksa menerapkan satu acara baru khusus untuk pesilat wanita me-mandangkan sambutan wanita dalam dunia persilatan semakin bertambah.

15 AUG 1991

**Ruzaidi perlu  
berehat panjang**

B. Harian (M)

**JUARA** silat sedunia '90, Ruzaidi Abdul Rahman, dinasihat berehat kira-kira tiga bulan bagi mengatasi sindrom lebih tenaga yang mula menye-rangnya sejak minggu lalu.

Pegawai Perubatan Majlis Sukan Negara (MSN), Dr Nordin Darius, berkata masalah sindrom lebih tenaga yang dialami oleh Ruzaidi sudah teruk dan mengancam kesihatannya.

Katanya, pesilat itu kini berada dalam keadaan lesu dan tidak bermaya kerana terlalu banyak menjalani latihan keras.

"Saya sudah merawat Ruzaidi, minggu lalu dan menasihatnya agar tidak menjalani latihan dalam tempoh sebulan ini demi kesihatannya. Dia hanya boleh menjalani latihan ringan dalam tempoh dua bulan lagi sebelum aktif semula," katanya.

Berikutan itu, Ruzaidi terpaksa membatalkan hasratnya untuk mewakili Selangor ke Kejua-raan Kebangsaan di Alor Star yang bermula Sabtu ini dan cabaran dalam Kejua-raan Khas sempena Sukan SEA Manila, November depan.